

# Hip

## Hail Amir syukur diiktiraf ketika hayat masih ada

Tiada yang lebih menyentuh hati penyanyi popular era 1970-an, Datuk Hail Amir, 74, apabila keringat ditabur selama lebih lima dekad mencurahkan keriang dan bakat diiktiraf kerika dirinya masih bernafas.

Kelmanin, Hail yang cikup popular dengan lagu *Wajah Kesyayangan Hamba* dan dianggap antara ikon seni era 1970-an, dikurniakan Darjah Kebesaran Panglima Mahkota Wilayah (PMW) membawa gelaran Datuk oleh Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan 2022 di Istana

Negara, Kuala Lumpur.

Hail berkata, Darjah Kebesaran PMW yang dikurniakan memberi makna cikup besar apatah lagi ketika hayat masih dikanung badan.

"Saya dimaklumkan menerima penghargaan ini kira-kira seminggu lalu. Apabila ada piaku hendak beri anugerah, saya terima dengan hati terbuka.

"Selain penghargaan atas sumbang yang diberi dalam dunia lakonan dan nyanyian, saya bersyukur pingat kebesaran dianugerahkan ketika hayat saya masih ada.

"Saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih kerana meng-

insan seni seperti kami," katanya kepada *HIP*.

Berkongsi perkembangan terkini, Hail memberitahu, beliau masih aktif membuat persembahan biau pun tidak sekerap dahulu. "Setiap hujung minggu, saya menghiburkan pengunjung restoran D'Empangan Udang Galah, Putrajaya bersama penyanyi lain seperti Rohana Jali, Shidee, Razis Ismail dan ramai lagi.

"Saya bersyukur kerana pada usia begini, saya dikurniakan kesihatan baik," katanya.

Separjang pemabitannya da-

lam dunia seni, Hail yang berasal dari Pulau Pinang, terkenal sebagai pasangan duet kepada penyanyi bersuara lunak, Uji Rashid.

• Khamis,  
bhhip@bharatan.my

→ Ikuri lebih berita di [www.bharatan.my](http://www.bharatan.my)



Mengabdikan diri dalam dunia seni sejak lebih lima dekad lalu, Hail kini diiktiraf dengan pingat menunggu Nasi Minyak, Antara Matam dan Matku termasuk lagu Seloka Hari Raya menjadi siulan ramai hingga hari ini.

Selain menyanyi, bapa kepada empat cahaya mata ini terkenal di layar perak. Antara filem popular lakonannya adalah *Jiuu Remaja, Cinta Dan Lagu, Menanti Hari Esok, Sesekuk Air Mata Ibu dan Anita Dunia Ajair*.

Datuk.

## Hail Amir terima anugerah Datuk

**Kuala Lumpur:** Penyanyi popular era 1970-an, Datuk Hail Amir, 74, menyifatkan pengurniaan Darjah Kebesaran Panglima Mahkota Wilayah (PMW) membawa gelaran Datuk oleh Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan 2022 di Istana Negara di sini, kelmarin, sebagai suatu pengiktirafan besar.

Hail berkata, Darjah Kebesaran PMW yang dikurniakan memberi makna cukup besar apatah lagi ketika hayat masih dikandung badan selepas lima dekad mengabdikan diri dalam dunia seni.

“Saya dimaklumkan mengenai penganugerahan ini kira-kira seminggu lalu. Apabila ada pihak hendak beri anugerah, saya terima dengan hati terbuka.

“Selain penghargaan atas sumbangan yang diberi dalam dunia lakonan dan nyanyian, saya bersyukur pingat kebesaran dianugerahkan ketika hayat saya masih ada.

“Saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih kerana menghargai dan tidak mengetepikan insan seni seperti kami,” katanya.

Berkongsi perkembangan terkini, Hail yang popular dengan lagu Wajah Kesyayangan Hamba berkata, beliau masih aktif membuat persembahan biarpun tidak sekerap dahulu.

## Aaron percaya Malaysia capai sasaran

**BERADA** dalam Kumpulan B bersama Jepun, Singapura dan Kazakhstan pada Kejohanan Badminton Berpasukan Asia (BATC) 2022 di Shah Alam mencerahkan peluang Malaysia untuk melayakkan diri ke peringkat separuh akhir.

Keyakinan itu dilaungkan pemain beregu lelaki No.1 negara, Aaron Chia selepas undian selesai dijalankan kelmarin, lebih-lebih lagi tanpa kehadiran China, Thailand dan Taiwan.

Bagaimanapun, dia tetap memberi amaran kepada rakan-rakan sepasukan supaya tidak terlalu selesa dan jangan memandang rendah kemampuan pasukan lain kerana ia kejohanan berpasukan.

"Berdasarkan undian yang dibuat, saya rasa memang kita ada peluang untuk mara ke separuh akhir, tambahan pula tanpa kehadiran pasukan-pasukan kuat seperti China, Thailand dan Taiwan.

"Walaupun tiga pasukan itu tidak datang tetapi masih ada Jepun, Indonesia, Korea Selatan dan Hong Kong yang turut memiliki beregu terbaik. Memang kita ada peluang dalam kumpulan namun tidak boleh terlalau yakin," katanya ketika dihubungi Kosmo! semalam.

Pada masa sama, pemain kelahiran Melaka itu berharap skuad badminton negara boleh mengulangi pencapaian di Manila, Filipina dua tahun lalu apabila mara ke perlawanan akhir sebelum tewas 1-3 kepada Indo-

nesia.

Meskipun Persatuan Badminton Malaysia (BAM) meletakkan sasaran minimum mara ke separuh akhir, namun Aaron percaya dengan kemampuan pasukan negara yang diketuai perseorangan lelaki profesional, Lee Zii Jia.

"Saya hanya berharap kami bolehkekalkan serta ulangi pencapaian sebelum ini," iaitu mara ke pentas final. Saya percaya dengan gabungan pemain sedia ada, Malaysia mampu ulanginya," ujarnya.

Sementara itu, Aaron menjelaskan, semangatnya kini berkobar-kobar selepas dia dan Soh Wooi Yik dikurnikan pingat bintang Kesatria Mahkota Wilayah (K.M.W) pada Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan 2022.



AARON

# 3 minggu baiki bumbung Pangsapuri Taman Melati

Bumbung empat blok pangsapuri itu rosak akibat angin kencang dan hujan lebat  
24 Januari lalu

KUALA LUMPUR

**K**erja-kerja membaiki kererosakan bumbung yang tercabut melibatkan empat blok Pangsapuri Taman Melati, Gombak di sini akibat angin kencang dan hujan lebat pada 24 Januari lalu akan mengambil masa tiga minggu.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata, kerja baik pulih itu telah dimulakan pada hari berikutnya selepas kejadian dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) juga telah menghantar barang keperluan kepada penduduk terlibat.**

"Namun berikutan cuti umum Tahun



Bumbung empat blok Pangsapuri Taman Melati, Gombak tercabut akibat angin kencang dan hujan lebat 24 Januari lalu.

Baharu Cina, pembekal atau kedai-kedai yang menyediakan stok bahan binaan termasuk atap yang ditempah tiba agak lambat, dan secara berperingkat bermula minggu ini," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Rabu.

Jalaluddin berkata, kerja-kerja pemasangan kanvas serta *joining* telah dibuat, namun mengalami kererosakan kerana bumbung dibadai ribut sekali lagi

pada minggu lepas dan berharap kerja baik pulih dapat disambung mengikut perancangan.

Beliau berkata, selain itu, YWP turut menyalurkan sumbangan tunai RM250 kepada setiap 46 buah keluarga, selain memberikan bantuan makanan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) yang disediakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sejak Isnin lalu. - Bernama

# Horizon



GLOW Glamping dibuka kepada pelawat sejak 4 Disember tahun lalu dan mendapat sambutan hangat daripada orang ramai.

Oleh MOHD. SHAZWAN YUSOP

**S**EJAK Putrajaya dibuka secara rasmi pada 1999, Taman Wetland memainkan peranan penting sebagai tempat tapisan air dari sungai di sekitarnya sebelum masuk ke Tasik Putrajaya.

Pada masa sama, kawasan itu sering menjadi tumpuan pelawat untuk bersantai terutama pada hujung minggu.

Pengunjung boleh melakukan pelbagai aktiviti riadah di situ termasuk berjalan santai, berlari, berbasikal atau berkelah di tepi tasik.

Taman berkeluasan 138 hektar itu turut menjadi pilihan pencinta alam disebabkan kepelbagaiannya spesies haiwan tanah lembap termasuk burung-burung yang mendiami kawasan itu.

Dalam usaha mempelbagaikan tarikan, Perbadanan Putrajaya (PPJ) bekerjasama dengan Gopeng Glamping Park Travel & Tours Sdn. Bhd. bagi mewujudkan tempat glamping di Taman Wetland.

Dikenali sebagai Glow Glamping, kawasan seluas 1.6 hektar itu diubah suai menjadi lokasi perkhemahan glamping lengkap dengan pelbagai kemudahan.

Pengurus Glow Glamping, Adam Yusof berkata, pihaknya berbesar hati dapat bekerjasama dengan PPJ bagi mewujudkan tempat perkhemahan serba glamor itu.

Jelasnya, perkhidmatan ditawarkan di Glow Glamping hampir sama dengan Gopeng Glamping dan yang membezakannya hanya lokasi.

"Tempat ini mula dibuka kepada pelawat pada 4 Disember tahun lalu. Alhamdulillah, selepas dibuka, ia mendapat sambutan menggalakkan."

"Rata-rata pengunjung datang ke sini kerana ingin merasai sendiri pengalaman perkhemahan gaya mewah sambil menghabiskan masa bersama insan tersayang," katanya ketika ditemu bual Horizon baru-baru ini.

Buat masa ini, Glow Glamping menawarkan 10 buah khemah seluas tujuh meter dan setinggi dua meter yang mampu muatkan empat orang dewasa pada satu-satu masa.

Menurut Adam, pihaknya memberi jaminan pelawat pasti berasa selesa dan seronok tinggal di dalam khemah, sekali



SETIAP khemah di Glow Glamping turut dilengkapi dengan dua set tilam bersaiz queen untuk keselesaan pengunjung bersama ahli keluarga.

## Berkhemah mewah di Taman Wetland



PENGUNJUNG yang datang tidak perlu risau mengenai isu keselamatan kerana kawasan perkhemahan mewah ini dikawal rapi 24 jam oleh pengawal keselamatan.

### INFO

#### Glow Glamping

- **Alamat:** Taman Wetland, Presint 13, Putrajaya
- **Harga:** RM168 dewasa, RM108 kanak-kanak
- **Waktu:** Tutup Selasa dan Rabu
- **Facebook:** GlowGlamping

gus menghapus stigma bahawa aktiviti perkhemahan membosankan.

"Setiap khemah dilengkapi pelbagai kemudahan seperti dua set tilam bersaiz queen, pendingin hawa, kipas, penapis udara, permaidani, cermin dan lampu tidur bagi menjamin keselesaan pengunjung."

Kemudahan lain adalah dapur dan



Setiap khemah dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti dua set tilam bersaiz queen, pendingin hawa, kipas, penapis udara, permaidani, cermin dan lampu tidur bagi menjamin keselesaan pengunjung."

surau. Kami juga mempunyai tandas seluas 40 pintu termasuk ruang mandi yang selesa," ceritanya.

Pakej harga ditawarkan merangkumi empat kali makan secara buffet iaitu sarapan, makan tengah hari, hi-tec dan makan malam.

Menariknya, pengunjung turut

dihidangkan barbeku kambing, ayam dan sosej bersama sos lada hitam yang dibakar sendiri oleh kru bertugas.

Mengulas mengenai aktiviti ditawarkan di Glow Glamping, Adam berkata, pihaknya menyediakan pelbagai permainan luar dan dalam.

"Antaranya aktiviti berbasikal, memanah, trampolin, challenge park, buai sarang burung, campfire dan karaoke. Kami juga menyediakan permainan dalaman seperti dam dan catur."

"Pengunjung juga dihiburkan dengan persembahan api oleh kru kami sambil menikmati pemandangan malam yang dilimpahi cahaya lampu," ujarnya.

Pengunjung tidak perlu bimbang berhubung soal keselamatan di Glow Glamping kerana ia dikawal rapi 24 jam oleh pengawal keselamatan.